

### DN 1.3: Memperluaskan Program Pemulihan dalam Komuniti (PDK) Kepada Pelbagai Lapisan Masyarakat

#### CADANGAN TINDAKAN DAN PROGRAM

##### Justifikasi Cadangan:

- Program PDK ini dilihat mempunyai potensi untuk dikembangkan kepada pelbagai lapisan masyarakat.
- Penglibatan golongan warga emas, ibu tunggal dan pesalah juvenil amat penting bagi membentuk kemahiran mereka supaya mampu berdikari.

##### Komponen Cadangan:

- Mempertingkatkan tenaga kemahiran, pendidik dan pengurusan untuk menampung lebih ramai penghuni dalam program PDK.
- Penyediaan kursus atau latihan kemahiran kepada golongan warga emas, ibu tunggal dan pesalah juvenil untuk kelangsungan hidup yang lebih baik.

##### Kaedah Pelaksanaan:

- Pelaksanaan projek melalui kerjasama awam dan swasta dan masyarakat desa.

#### CADANGAN LOKASI

Cadangan ini melibatkan pengukuhan terhadap pusat PDK sedia ada di setiap daerah iaitu:

| Daerah        | Pusat PDK   |
|---------------|---|
| Johor Bahru   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• PDK Johor Jaya</li> <li>• PDK Kempas</li> <li>• PDK Puteri Wangsa</li> <li>• PDK Tanjung Puteri</li> </ul>   |
| Kulai         | <ul style="list-style-type: none"> <li>• PDK Bandar Tenggara</li> <li>• PDK Bukit Besar</li> <li>• PDK Kelapa Sawit</li> </ul>  |
| Kota Tinggi   | <ul style="list-style-type: none"> <li>• PDK Mas Timur</li> <li>• PDK Cemerlang, Gugusan WaHa</li> <li>• PDK Harapan Murni Lok Heng</li> <li>• PDK Indah Murni, Mawai</li> <li>• PDK Seri Cahaya</li> <li>• PDK Sinar Suria, Adela</li> </ul> |
| Pontian       | <ul style="list-style-type: none"> <li>• PDK Sinar Bakti</li> </ul>   |
| <b>Jumlah</b> | <b>14</b>   |

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2021


#### AGENSI PELAKSANA

| Pemula  | Pelaksana   |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPWKM</li> <li>• JPKK</li> <li>• Jabatan Kebajikan Masyarakat</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• KPWKM</li> <li>• JPKK</li> </ul> |

#### ANGGARAN KOS

- Kursus Latihan = RM 20,000/ PDK/ tahun = RM 840,000.

#### FASA PELAKSANAAN



## Justifikasi Cadangan

Cadangan ini adalah bertujuan untuk mempelbagaikan fungsi kepada program PDK sedia ada di kawasan Johor Selatan. Program seperti PDK ini perlu dikembangkan kepada semua lapisan masyarakat meliputi golongan warga emas, ibu tunggal dan pesalah juvenil.


Input daripada maklumat profil kampung berdasarkan laporan penemuan kajian ini menunjukkan kawasan Johor Selatan memiliki ibu/bapa tunggal seramai 2,197 orang dan golongan OKU sejumlah 1,079 orang. Walau bagaimanapun dapatan daripada data ini hanya merangkumi daerah Johor Bahru dan Kulai sahaja.

Bagi kategori ibu tunggal jumlah bagi kedua dua daerah ini adalah sebanyak 911 orang. Daripada jumlah keseluruhan ibu tunggal ini, sejumlah 217 orang bersamaan 23.83% ibu tunggal berada dalam status pekerjaan. Peratusan ini menjadikan Johor Selatan mempunyai statistik ibu tunggal bekerja terendah berbanding Johor Utara dan Johor Tengah.


Dengan angka daripada maklumat yang diperolehi daripada laporan penemuan ini, usaha bagi memperkukuhkan program PDK di dalam Johor Selatan adalah wajar untuk diberi penekanan oleh pihak kerajaan.



### IBU/BAPA TUNGGAL



### IBU TUNGGAL JOHOR SELATAN : 911 ORANG



**BEKERJA**  
**217 (23.83%)**



Sumber: SPKPN Negeri Johor 2020 & PHS Desa Negeri Johor



Foto: Program Mesra dan Khidmat Masyarakat Bersama PDK  
Sumber: Institut Kemahiran Belia Negara, 2018



Foto: Aktiviti Sukarelawan Bersama Pelatih OKU PDK  
Sumber: Persatuan Pengguna Islam Malaysia, 2019